JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

# JTKSM

# LAPORAN TAHUNAN 2021



"MENDEPANI CABARAN, MELANGKAUI EKSPEKTASI"

JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

# LAPORAN TAHUNAN 2021

"MENDEPANI CABARAN, MELANGKAUI EKSPEKTASI"

muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

# RASIONAL
## KULIT BUKU




Konsep kulit buku Laporan Tahunan 2021 JTKSM mengambarkan struktur kejuruteraan “machinery” yang disusun berhubung di antara satu sama lain dan juga telah diabstrak dengan gambaran dari pelbagai sektor pekerjaan yang membawa maksud setiap cabaran serta tugasan dalam bidang pekerjaan haruslah dilakukan secara konsisten dan teliti serta penuh kemahiran untuk membuahkan hasil paling berkualiti serta saling berganding tangan dalam mengatasi segala permasalahan dalam apa jua situasi pekerjaan selaras dengan temanya “Mendepani Cabaran, Melangkaui Ekspektasi”.

Tulisan tajuk JTKSM mengambarkan reka bentuk struktur batu bata mewakili bangunan Ibu Pejabat di Putrajaya di mana pengertiannya sebuah Jabatan teguh dan berpegang utuh dari segi MISI dan VISI dalam membantu masyarakat setempat berkaitan dengan isu-isu perburuhan. Layangan dedaun pada kulit buku mengambarkan kesungguhan JTKSM sebagai tonggak asas untuk sektor perladangan dan juga pertanian sama ada di kawasan bandar mahupun di pendalaman.

Secara keseluruhannya potret yang digambarkan di kulit buku Laporan Tahunan 2021 ini, JTKSM telah memainkan peranan dan tanggungjawab yang sangat besar selama ini dalam isu-isu perburuhan dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaya saing dan semakin berkembang maju.

# ISI **KANDUNGAN**


**1. UTUSAN KALAM KETUA PENGARAH — 1**

**2. PROFIL KORPORAT — 3**
- i. Visi 4
- ii. Misi 4
- iii. Objektif 4
- iv. Dasar Kualiti 4

**3. TADBIR URUS — 5**
- i. Piagam Pelanggan 6
- ii. Pengurusan Tertinggi 7
- iii. Carta Organisasi 9
- iv. Bahagian Ibu Pejabat 11

**4. SEKILAS FAKTA PENCAPAIAN 2021 — 18**

**5. PENGUATKUASAAN — 19**
- i. Undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Jabatan 20
- ii. *International Labour Organization Conventions* 21
- iii. Pemeriksaan 22
  - Pemeriksaan Berkanun
  - Pemeriksaan Estet
  - Pemeriksaan Penginapan Pekerja
- iv. Operasi Penguatkuasaan 35
  - Operasi Penguatkuasaan Bersepadu
  - Penguatkuasaan ATIPSOM
  - Penguatkuasaan Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)
- v. Permit, Pelesenan dan Perakuan 39
  - Permit Perburuhan
  - Perakuan Penginapan Pekerja
  - Pelesenan Agensi Pekerjaan Swasta
  - Kelulusan Pelan Bangunan Dan Sijil Layak Menduduki
- vi. Pengendalian Aduan 46
  - Aduan Perburuhan
  - Aplikasi *Working For Workers*
  - Aduan Gangguan Seksual
- vii. Kertas Siasatan, Kompaun Dan Pendakwaan 49
  - Penguatkuasaan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446)
  - Operasi 446
- viii. Mahkamah Buruh 51
  - Kes Buruh
- ix. Gaji Minimum 53
- x. Pemberhentian Pekerja 54
- xi. Pindaan Undang-Undang 55
  - Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446)
  - Perintah Peletakhakan Kuasa Di Bawah Akta 446
  - Peraturan-Peraturan Baharu Di Bawah Akta 446
  - Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Akta 246)
  - Peraturan-peraturan Agensi Pekerjaan Swasta (Pengkompaunan Kesalahan) 2021 (P.U.(A) 396/2021
- xii. Pengurusan Pekerja Asing 59
  - Perakuan JTKSM Bagi Permohonan Penggajian Pekerja Asing
  - Pertukaran Majikan Menggajikan Pekerja Asing (PTM)
  - Pampasan Pekerja
  - Rekalibrasi Tenaga Kerja
  - Pekhidmat Domestik Asing

**6. PROMOSI — 67**
- i. Pendidikan Perburuhan 68
  - Penerbitan
  - Dialog Industri
- ii. Khidmat Nasihat Perburuhan 70
- iii. Jawatankuasa Teknikal Pematuhan Perundangan Dan Dasar Perburuhan 70

**7. PENGURUSAN PENTADBIRAN** 73

i. Pengurusan Kewangan 74
ii. Latihan 76
iii. Maklumbalas Pelanggan 77
iv. Penghargaan Dan Pengiktirafan 78
- Penganugerahan Dalam Penguatkuasaan Akta 446
- Penulisan Artikel Terbaik 2021
- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

**8. PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT** 83

i. Sistem Sedia Ada Dalam Jabatan 84
- *Labour Market Database* (LMD)
- Sistem *e-Labour Court*
- Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx)
- Sistem Permohonan Perakuan Penginapan Akta 446

ii. Pembangunan Sistem Pengurusan Perburuhan Bersepadu (SPPB) 85

**9. PERANCANGAN STRATEGIK JABATAN** 87

i. Pelan Strategik JTKSM 2021-2025 88
ii. Pencapaian Jabatan 2021 89
iii. Persidangan Tahunan Pegawai-Pegawai Kanan JTKSM 2022 91
iv. Mesyuarat Kajian Separuh Penggal JTKSM 2021 93
v. Sesi Libat Urus 95

**10. *#THROWBACK*** 97

**11. PEJABAT CAWANGAN** 103

i. Ibu Pejabat 104
ii. Jabatan Tenaga Kerja Negeri 105
iii. Pejabat Tenaga Kerja Cawangan 105

**12. SIDANG REDAKSI** 113




# Utusan Kalam
## Ketua Pengarah

بسم الله الرحمن الرحيم

**Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera**

Alhamdulillah, setinggi rasa syukur dizahirkan atas peluang, ruang dan keupayaan kita untuk sekali lagi menghasilkan senaskah coretan yang memaparkan pencapaian dan pelbagai memori jabatan sepanjang tahun 2021 iaitu Buku Laporan Tahunan 2021. Penerbitan buku ini bukan sahaja sebagai arkib kepada segala bentuk aktiviti dan program jabatan tetapi naskah ini juga adalah pendeta bisu yang memaparkan betapa para kakitangan jabatan sentiasa berusaha menggalas dan melaksana tanggungjawab mereka walau dalam apa juga keadaan serta cabaran yang dihidangkan. Syabas dan terima kasih diucapkan kepada pasukan sidang redaksi dalam penghasilan Buku Laporan Tahunan 2021 ini.

Sesungguhnya, tidak dapat dinafikan bahawa tahun 2021 tidak kurang rencah dalam menyajikan pelbagai cabaran dan isu jika dibandingkan dengan tahun 2020. Mengangkat tema **"Mendepani Cabaran, Melangkaui Ekspektasi"**, tahun 2021 menjadi suatu tahun yang benar-benar mencabar kita bukan sahaja dari aspek fizikal tetapi juga mental dan emosi. Sepanjang tahun 2021, selain penguatkuasaan Ordinan Darurat 2021 dan keberlangsungan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0, kita juga turut berdepan cabaran di peringkat antarabangsa iaitu isu buruh paksa.

Penguatkuasaan Ordinan Darurat 2021 menjadi suatu pencapaian yang boleh dibanggakan oleh para kakitangan jabatan walaupun hakikatnya ia bukan suatu yang mudah. Ini kerana, Ordinan Darurat 2021 turut mewartakan penguatkuasaan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Pindaan) 2019 iaitu Akta 446. Keperluan mewartakan Akta 446 dalam Ordinan Darurat dilihat penting sebagai sebahagian daripada mekanisme dalam usaha Kerajaan memutuskan rantaian dan penularan pandemik COVID-19 yang ketika itu telah memasuki tahun kedua. Sejajar dengan pewartaan Akta 446 dalam Ordinan Darurat 2021, seluruh warga Jabatan Tenaga Kerja diberikan amanah untuk mempergiatkan dan mempertingkatkan penguatkuasaan Akta 446 terhadap majikan khususnya premis pekerjaan yang menempatkan pekerja asing di penginapan yang sangat daif dan tidak kondusif serta tidak mengikut spesifikasi dalam Akta 446. Hasilnya, jabatan berjaya menjadi penggerak kepada Kementerian Sumber Manusia (KSM) dalam aspek menangani rantaian dan memutuskan penularan pandemik COVID-19. Selain itu, melalui Ordinan Darurat 2021 kita juga berjaya memastikan para majikan sedar akan tanggungjawab mereka dalam menjaga kebajikan para pekerja sama ada pekerja tempatan mahupun asing.

Di samping pelaksanaan Ordinan Darurat 2021, penyambungan PKP 3.0 turut memberikan cabaran tersendiri. Ekoran kesinambungan pelaksanaan PKP, kakitangan Jabatan berdepan isu perburuhan yang cukup getir. Isu perburuhan yang kita hadapi adalah termasuk pemberhentian pekerja yang dilakukan tidak mematuhi peruntukan Akta Kerja 1955, pekerja yang tidak dibayar gaji dan tidak kurang juga majikan yang memaksa para pekerja mereka untuk mengambil cuti tahunan atau cuti tanpa gaji. Semua isu perburuhan ini bukan suatu yang mudah untuk dikendalikan memandangkan para pegawai jabatan khususnya dan kakitangan awam umumnya bekerja secara berperingkat dan bekerja dari rumah yang sejujurnya membataskan keupayaan pelaksanaan sebarang tugasan. Namun demikian, syabas dan tahniah diucapkan kepada semua kakitangan Jabatan Tenaga Kerja di seluruh Semenanjung Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Labuan kerana berjaya menggalas dan melaksana tugasan yang diamanahkan. Selain

cabaran dalam melaksanakan Ordinan Darurat 2021 dan menangani isu perburuhan ekoran PKP 3.0, tahun 2021 juga menyaksikan Malaysia diuji dalam aspek kemanusiaan di peringkat antarabangsa. Ini kerana, beberapa pihak luar giat menggemburkan isu buruh paksa melibatkan pekerja asing dalam negara sehingga Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) membuat penilaian dan memutuskan untuk menurunkan penarafan/kedudukan Malaysia daripada Tier 2 ke Tier 3. Hasil penilaian dan penurunan Tier ini memberikan impak yang sangat besar terhadap aktiviti eksport produk negara kita. Ekoran penurunan tersebut, barangan eksport negara berdepan dengan sekatan di beberapa negara luar dan membawa kepada penyusutan nilai pendapatan negara dan seterusnya menjejaskan aktiviti ekonomi Malaysia. Walaupun kita berdepan dengan pelbagai cabaran dan isu, tahun 2021 juga memberikan satu penanda aras apabila kita berjaya membawa cadangan Rang Undang-undang (RUU) Pindaan Akta Kerja 1955 [Akta 265] ke Parlimen dan telah pun melalui Bacaan Kali Pertama di Dewan Rakyat pada 25 Oktober 2021 dan bersama-sama kita doakan agar RUU ini diluluskan dan dikuatkuasakan pada tahun 2022 kelak.

Syabas dan terima kasih diucapkan kepada semua kakitangan jabatan kerana dapat bersama-sama mendepani pelbagai cabaran dan isu sepanjang tahun 2021. Kebersamaan ini membuktikan bahawa dengan iltizam yang tinggi dan ketelusan dalam menunaikan amanah yang diberi, kita berjaya melangkaui ekspektasi bukan sahaja pihak atasan tetapi juga masyarakat perburuhan. Ini jelas terbukti melalui kejayaan para pegawai kita melaksanakan operasi termasuk merangkumi dua akta iaitu Akta 446 dan juga Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342). Pencapaian sepanjang menjalankan operasi ini turut dibentangkan dalam mesyuarat di peringkat kebangsaan dan sekaligus membuktikan bahawa para pegawai kita cukup kompeten serta berdaya saing dalam apa juga tugasan yang diberikan kepada mereka.

**Encik Asri Bin Ab Rahman**
Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia

Sekali lagi ucapan syabas dan tahniah saya zahirkan kepada semua warga jabatan sama ada di ibu pejabat mahupun negeri. Jasa, pengorbanan dan kerjasama anda semua sepanjang meladeni tahun 2021 cukup berharga. Kejayaan kita dalam mendepani cabaran sepanjang tahun 2021 menjadi pemacu untuk menunjukkan bahawa jabatan akan terus komited dalam memastikan kelestarian industri perburuhan secara dinamik dan juga seiring perkembangan teknologi semasa.

Setinggi ucapan terima kasih juga dikalungkan kepada pasukan sidang redaksi atas kejayaan menghasilkan Buku Laporan Tahunan 2021 ini.

Sekian, terima kasih.



# Profil Korporat



# VISI

Peneraju Utama Kecemerlangan Pentadbiran Perburuhan Di Sektor Swasta.

# MISI

Memperkasakan pentadbiran perburuhan untuk meningkatkan kebajikan warga pekerja dan kepentingan para majikan.

# OBJEKTIF

i. Melindungi kepentingan dan memajukan kebajikan masyarakat industri;
ii. Membantu industri meningkatkan daya saing bagi menghadapi cabaran-cabaran globalisasi; dan
iii. Mewujudkan masyarakat industri yang berpengetahuan dalam hal-hal berkaitan undang-undang perburuhan untuk membina suasana perburuhan yang kondusif bagi pembangunan perindustrian dan pelaburan.

# DASAR KUALITI

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia adalah komited untuk mengendalikan sebarang aduan buruh demi mewujudkan suasana kerja yang harmoni bagi menjamin kepuasan pelanggan dan ditingkatkan secara berterusan.



# Tadbir Urus

# PIAGAM PELANGGAN

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia adalah bertanggungjawab ke atas kebajikan pekerja dan kepentingan majikan serta pelaksanaan dasar-dasar perburuhan negara melalui pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang buruh dan langkah-langkah promosi yang berkesan bagi mewujudkan tenaga kerja yang komited dan produktif. Dengan ini, kami berjanji akan memberi perkhidmatan yang cekap dan cepat, jujur dan amanah serta ikhlas dan mesra untuk memenuhi kehendak pelanggan seperti berikut:

**01** Menyiasat dan memaklumkan hasil siasatan setiap aduan berkaitan isu perburuhan dalam tempoh 30 hari dari tarikh pengaduan;

**02** Menyelesaikan pengaduan kes buruh melalui mekanisme Mahkamah Buruh dalam tempoh 90 hari dari tarikh pemfailan;

**03** Memproses permohonan lesen di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 dalam tempoh 14 hari bekerja;

**04** Memproses permohonan lesen hiburan awam di bawah Akta (Penggajian) Kanak-Kanak dan Orang Muda 1966 dalam tempoh 14 hari bekerja;

**05** Memproses dan mengeluarkan syor dalam tempoh 14 hari dari tarikh dokumen lengkap bagi permohonan penggajian pekerja asing diterima;

**06** Memberi khidmat nasihat serta menjawab pertanyaan pelanggan dengan cepat, tepat dan mesra; dan

**07** Memberi layanan mesra di kaunter kepada setiap pelanggan jabatan.



# Pengurusan Tertinggi



ENCIK MOHD ASRI BIN ABD WAHAB
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

ENCIK ASRI BIN AB RAHMAN
Ketua Pengarah

ENCIK T. SHANMUGAM
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Pembangunan)



**ENCIK ASRI BIN AB RAHMAN**
Ketua Pengarah
*Jusa B*



**ENCIK MOHD ASRI BIN ABD WAHAB**
Timbalan Ketua Pengarah
(Operasi)
*Jusa C*



**ENCIK T. SHANMUGAM**
Timbalan Ketua Pengarah
(Pengurusan dan Pembangunan)
*Jusa C*



**ENCIK YUSOFF BIN HARUN**
Pengarah
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
*PPP S54*



**ENCIK ZAINI BIN YAACOB**
Pengarah
Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan
*PPP S54*



**ENCIK WAN ISMAIL BIN WAN IBRAHIM**
Pengarah
Bahagian Standard Perburuhan
*PPP S54*



**ENCIK AHMAD MUDI ONN BIN NOR**
Pengarah JTK Selangor
*PPP S54*



**ENCIK MUHAMMAD FAUZI BIN HJ. ABD GHANI**
Pengarah JTK Perak
*PPP S54*



**ENCIK NASIR BIN HJ. KASIM**
Pengarah JTK Johor
*PPP S54*



**ENCIK MOHD HAJAZY BIN JUSOH**
Pengarah JTK Terengganu
*PPP S48*



**ENCIK ISKANDAR BIN JASSA**
Pengarah JTK Perlis
*PPP S48*



**ENCIK ARZANIL BIN BAHADON**
Pengarah JTK Kedah
*PPP S48*

# Carta Organisasi
## 2021



ENCIK ZAIHAS MOHD SYAKIR BIN HASFAR
*PUU*



CIK JENNIFER BINTI ABDUL
*PRO*

Pengarah
Bahagian Pekerja Asing
*PPP S52*
KOSONG



PUAN NOOR ARZILA BINTI ARIFFIN
Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan
*PPP S52*



PUAN WAN NURULHIDAYAH BINTI WAN SAMSUDIN
Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan
*PTD M52*



ENCIK CHE MOHD ROKMAN BIN CHE AWANG
Pengarah JTK
Kuala Lumpur
*PPP S54*



Y.M ENGKU ADLIN BIN ENGKU MOHD ARIFFIN
Pengarah JTK
Pulau Pinang
*PPP S54*



ENCIK S. THARU MARAJAN
Pengarah JTK
Negeri Sembilan
*PPP S52*



ENCIK PEZMAN BIN CHE HUSSIN
Pengarah JTK
Pahang
*PPP S52*



ENCIK SULKIFLI BIN SILANG
Pengarah JTK Kelantan
*PPP S48*



PUAN JOHANA BINTI BAKAR
Pengarah JTK Melaka
*PPP S48*



ENCIK AG ISMAIL BIN AG TANGAH
Pengarah JTK Labuan
*PPP S44*

# Bahagian Ibu Pejabat



# BAHAGIAN PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN

***Bahagian ini bertanggungjawab untuk merancang, mengurus dan memantau pelaksanaan undang-undang perburuhan supaya bersesuaian dengan keperluan serta perkembangan semasa bagi memelihara hak dan kebajikan pekerja dan majikan di negara ini.***



**Encik Zaini Bin Yaacob**
*Pengarah*

Unit di bawah Bahagian ini adalah:

i. Unit Perundangan:
- Unit Pindaan Undang-undang;
- Unit Kes Buruh; dan
- Unit Permit.

ii. Unit Penguatkuasaan:
- Unit Pendakwaan dan Kompaun; dan
- Unit Pasukan Khas Penguatkuasaan dan ATIP.

Fungsi Bahagian:

i. Mengurus dan menyelaras segala urusan berhubung undang-undang perburuhan dan peraturan-peraturan termasuk:
- Menggubal undang-undang perburuhan dan peraturan-peraturan baharu; dan
- Meneliti, menyemak dan meminda undang-undang perburuhan, peraturan-peraturan dan perintah sedia ada.

ii. Mengulas dan menyediakan maklum balas interpretasi peruntukan undang-undang di bawah bidang kuasa Jabatan Tenaga Kerja dan memberi khidmat nasihat kepada bahagian-bahagian lain di Ibu Pejabat, pejabat negeri dan cawangan, organisasi dan individu dalam perkara yang melibatkan isu-isu perundangan;

iii. Menyelaras perkara berkaitan dengan perundangan yang melibatkan bidang kuasa Jabatan meliputi aspek prosiding Mahkamah Buruh, kes-kes rayuan terhadap keputusan Mahkamah Buruh di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan serta kes-kes saman penghutang penghakiman;

iv. Mengumpul, menganalisis dan mengedar keputusan Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Perusahaan berhubung dengan isu-isu yang melibatkan undang-undang perburuhan ke pejabat negeri dan cawangan;

v. Memantau dan mengurus pengeluaran permit perburuhan; dan

vi. Memantau sistem penggajian pekerja-pekerja sektor swasta yang diliputi oleh Jabatan agar pekerja-pekerja tidak ditindas dan mengemukakan syor-syor dan merancang strategi untuk memperbaiki sebarang kelemahan sistem penggajian yang sedia ada.



Encik Wan Ismail Bin Wan Ibrahim
*Pengarah*

# BAHAGIAN STANDARD PERBURUHAN

***Bahagian ini bertanggungjawab merancang, menyelaras dan memantau aktiviti berkaitan dengan perlindungan kebajikan pekerja bagi mewujudkan suasana perburuhan yang adil dan harmoni. Ini bagi memastikan majikan mematuhi piawaian perburuhan di bawah undang-undang perburuhan yang dikuatkuasakan.***

Unit di bawah Bahagian ini adalah:

i. Unit Tindakan Perburuhan;
   - Unit Siasatan Aduan; dan
   - Unit Pemeriksaan Berkanun.

ii. Unit Perumahan, Penginapan, dan Kemudahan Pekerja Estet;

iii. Unit Hal Ehwal Wanita, Kanak-kanak dan Orang Kurang Upaya; dan

iv. Unit Parlimen dan Promosi.

Fungsi Bahagian:

i. Menyediakan kertas-kertas cadangan, kertas kerja, kertas kabinet, kertas jemaah menteri dan surat-surat pekeliling berkaitan dasar dasar perburuhan bagi kegunaan Jabatan, Kementerian Sumber Manusia dan agensi-agensi lain;
ii. Menyediakan maklumat terkini kepada International Labour Organization (ILO) berkaitan hal-hal perburuhan dan konvensyen yang diratifikasikan oleh negara dan menjawab segala isu yang dibangkitkan ILO;
iii. Menyediakan maklumat yang diperlukan bagi isu-isu yang melibatkan hal-hal perburuhan negara yang dibahaskan di Dewan Negara dan Dewan Rakyat;
iv. Memastikan kebajikan pekerja-pekerja di sektor swasta dilindungi selaras dengan standard minimum yang ditetapkan di bawah Undang-undang Perburuhan;
v. Merancang dan menggubal program-program untuk meningkatkan kualiti kehidupan pekerja-pekerja sektor perladangan dari segi perumahan dan kemudahan-kemudahan asas;
vi. Merancang dan menyelaras aktiviti pembasmian dan menangani gangguan seksual di tempat kerja;
vii. Membantu menangani isu yang dibangkitkan pelanggan melalui aduan berkaitan haknya di bawah undang-undang perburuhan;
viii. Menyelaras pelaksanaan aktiviti-aktiviti pendidikan perburuhan;
ix. Menyelaras pelaksanaan semua dasar, arahan kerja dan surat pekeliling BSP; dan
x. Menyelaras serta menguruskan aktiviti berkaitan pengeluaran kelulusan dan perakuan penginapan pekerja.

# BAHAGIAN PEKERJA ASING

***Bahagian ini bertanggungjawab untuk merancang, menyelaras dan memantau pengurusan penggajian pekerja asing yang bekerja di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.***

Unit di bawah Bahagian ini adalah:

i. Unit Kawal Selia Penggajian Pekerja Asing; dan
ii. Unit Pampasan dan Kebajikan Pekerja.

Fungsi Bahagian:

i. Merancang, menyelaras, mengurus dan memantau hal-ehwal berkaitan dengan pelaksanaan dasar penggajian pekerja asing;

ii. Menyelaras dan mengurus semakan dasar penggajian pekerja asing sedia ada;

iii. Menyelaras, mengurus dan memantau permohonan penggajian pekerja asing;

v. Memantau penggajian pekhidmat domestik asing; dan

iv. Mengurus dan memantau pengurusan kewangan pampasan pekerja di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952.

Aktiviti utama yang dilaksanakan oleh Bahagian adalah:

i. Perakuan JTKSM Bagi Permohonan Penggajian Pekerja Asing melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx);
ii. Penggantian Pekerja Asing (PGPA);
iii. Pengesahan *(Attestation) Demand Letter* Bagi Pengambilan Pekerja Asing Warganegara Nepal;
iv. Pertukaran Majikan Menggajikan Pekerja Asing;
v. Pampasan Pekerja Asing; dan
vi. Rekalibrasi Tenaga Kerja.

Pada tahun 2021, beberapa aktiviti seperti perakuan JTKSM bagi permohonan penggajian pekerja asing, penggantian pekerja asing, dan pengesahan *Demand Letter* tidak dilaksanakan kerana penutupan sempadan negara akibat pandemik COVID-19. Sehubungan itu, penumpuan diberi kepada aktiviti pertukaran majikan menggajikan pekerja asing, rekalibrasi tenaga kerja dan pampasan pekerja asing.



Encik Yusoff Bin Harun
*Pengarah*

# BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK

***Bahagian ini bertanggungjawab merancang, menyelaras dan memantau hala tuju dan pelan strategik jabatan ke arah pencapaian objektif organisasi yang cemerlang.***

Unit di bawah Bahagian ini adalah:

i. Unit Data dan Analisis;
ii. Unit Dasar dan Transformasi;
iii. Unit Teknologi Maklumat; dan
iv. Unit Pembangunan dan Pengurusan Kualiti.

Fungsi Bahagian:

i. Merangka, menyelaras dan memantau pembentukan sasaran serta kamus indeks petunjuk prestasi bagi aktiviti-aktiviti jabatan;

ii. Mengurus, menyelaras dan menganalisis data aktiviti jabatan;

iii. Menyelaras dan menerbitkan laporan aktiviti jabatan secara berkala;

iv. Merangka, mengkaji dan menyelaras dasar serta halatuju jabatan bagi tujuan penambahbaikan melalui pelan strategik dan pelan tindakan;

v. Menyelaras dan memantau pematuhan jabatan terhadap konvensyen serta piawaian perburuhan antarabangsa yang diratifikasi;

vi. Mengurus, menyelaras dan memantau pembangunan, penyelenggaraan serta perolehan berkaitan sistem, rangkaian dan aset ICT jabatan; dan

vii. Merancang, mengkaji dan menyelaras pembangunan standard serta kualiti aktiviti jabatan bagi memacu pengurusan jabatan yang bersistematik.

# BAHAGIAN PERKHIDMATAN PEKERJAAN

***Bahagian ini memberikan tumpuan sepenuhnya berkaitan pelesenan Agensi Pekerjaan Swasta (APS) dan urusan penggajian pegawai dagang. Ini kerana fungsi perkhidmatan pekerjaan telah dipindahkan ke Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) pada 1 Januari 2021.***



**Puan Noor Arzila Binti Ariffin**
*Pengarah*

Unit di bawah Bahagian ini adalah:

i. Unit Agensi Pekerjaan Swasta (APS)

Fungsi Bahagian:

i. Memantau, mengurus, dan memproses pengeluaran lesen APS;

ii. Mengawal selia aktiviti APS;

iii. Memantau, mengurus, dan memproses pengeluaran dokumen pengenalan diri bagi pekerja APS; dan

iv. Memantau dan mengurus aktiviti berkaitan penggajian pegawai dagang.



PUAN WAN NURULHIDAYAH BINTI WAN SAMSUDIN
*Pengarah*

# BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

***Bahagian ini bertanggungjawab merancang, menyelaras, memantau dan mengurus hal ehwal khidmat pengurusan merangkumi pengurusan sumber manusia, kewangan, perolehan, aset, pentadbiran am, komunikasi dan perhubungan awam jabatan. Ini bagi memastikan pengurusan operasi jabatan berjalan dengan cekap dan teratur menggunakan sumber kewangan dan perbelanjaan secara optimum.***

Unit di bawah Bahagian ini adalah:

i. Unit Pentadbiran Am;
ii. Unit Sumber Manusia,
iii. Unit Kewangan dan Akaun; dan
iv. Unit Perolehan.

Fungsi Bahagian:

i. Mengurus, menyelaras dan memantau pentadbiran jabatan seperti pengurusan fail, penggunaan dan penyelenggaraan kenderaan jabatan, pengurusan dan pengemaskinian aset dan stor, serta menjaga keselamatan dokumen jabatan;

ii. Mengurus hal ehwal pembangunan organisasi dan perkhidmatan seperti perjawatan dan pelantikan, kenaikan pangkat, penilaian prestasi, tatatertib dan persaraan pegawai;

iii. Merancang, menyelaras dan menganjur program, kursus dan latihan dalam dan luar negara;

iv. Mengurus dan memantau peruntukan kewangan dan perakaunan jabatan supaya peruntukan yang diperolehi dibelanjakan dengan berhemat mengikut prosedur dan tatacara semasa;

v. Mengurus dan memantau perolehan dan projek pembangunan jabatan; dan

vi. Merancang, mengurus, menyelaras dan memantau aktiviti komunikasi korporat dan perhubungan awam jabatan.

# SEKILAS FAKTA AKTIVITI UTAMA 2021

**OPERASI PENGUATKUASAAN**
905

**KERTAS SIASATAN**
1,608

**PENDAKWAAN**
257

**KOMPAUN**
1,000

***TASKFORCE* AKTA 446**
39,941 Majikan diperiksa
168,350 Penginapan diperiksa

**PEMERIKSAAN BERKANUN**
21,412 TEMPAT PEKERJAAN DIPERIKSA

**ADUAN**
10,290 Aduan Dikendali
10,101 (98%) Aduan Selesai

**KES BURUH**
9,426 KES KENDALI
8,239 (87%) KES SELESAI

**PERMIT PERBURUHAN**
1,497 PERMOHONAN DIKENDALI
1,397 (93%) PERMOHONAN SELESAI

**PENGELUARAN PERAKUAN PENGINAPAN PEKERJA, AKTA 446**
11,143

**AGENSI PEKERJAAN SWASTA BERLESEN**
1,056

# Penguatkuasaan





# UNDANG-UNDANG YANG DIKUATKUASAKAN OLEH JABATAN

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) bertanggungjawab untuk menguatkuasakan 13 undang-undang perburuhan iaitu:

- **Akta Kerja 1955 (Akta 265)**
- **Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446)**
- **Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 (Akta 350)**
- **Akta Kerja (Sekatan) 1968 (Akta 796)**
- **Akta Maklumat Pekerjaan 1953 (Akta 159)**
- **Akta Hari Kelepasan 1951 (Akta 369)**
- **Akta Hari Kelepasan Mingguan 1950 (Akta 220)**
- **Akta Pampasan Pekerja 1952 (Akta 273)**
- **Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 (Akta 612)**
- **Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732)**
- **Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Akta 246)**
- **Akta Umur Persaraan Minimum 2012 (Akta 753)**
- **Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007 (Akta 670)**

# INTERNATIONAL LABOUR ORGANIZATION CONVENTIONS

ILO adalah salah sebuah organisasi di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang beribu pejabat di Geneva, Switzerland. Salah satu fungsi utama ILO adalah untuk mewujudkan standard-standard perburuhan antarabangsa melalui penerimaan *Conventions* dan *Recommendations* yang sering dirujuk sebagai International Labour Standards. Malaysia telah menjadi negara ahli ILO sejak tahun 1957.

Sejak penubuhannya, ILO telah menggubal 190 Konvensyen termasuk 8 Konvensyen utama *(Fundamental Conventions)*. Malaysia telah meratifikasi 6 daripada 8 Konvensyen utama seperti berikut:-



## 8 KONVENSYEN UTAMA
*(FUNDAMENTAL CONVENTIONS)*

**01** *Convention 29, Forced Labour Convention, 1930*

**02** *Convention 98, Right to Organise and Collective Bargaining, 1949*

**03** *Convention 100, Equal Remuneration, 1951*

**04** *Convention 105, Abolition of Forced Labour, 1957 (Denounced in 1990)*

**05** *Convention 138, Minimum Age, 1973*

**06** *Convention 182, Worst Forms of Child Labour, 1999*

**07** *Convention 111, Discrimination (Employment and Occupation), 1958*

**08** *Convention 87, Freedom of Association and Protection of the Right to Organise, 1948*

■ sudah diratifikasi
■ belum diratifikasi

# PEMERIKSAAN

## Pemeriksaan Berkanun

Pemeriksaan Berkanun merupakan salah satu aktiviti penguatkuasaan jabatan yang bertujuan untuk:

i. Meningkatkan tindakan pembetulan dan pencegahan di kalangan majikan terhadap pematuhan undang-undang dan standard perburuhan;
ii. Menyampaikan maklumat dan memberi khidmat nasihat kepada majikan dan pekerja berkaitan undang-undang serta dasar perburuhan semasa;
iii. Mengumpul maklumat berhubung amalan baik di tempat kerja untuk perkongsian dengan industri; dan
iv. Memenuhi keperluan *Labour Inspection Convention* 1947 (No.81) yang telah diratifikasikan oleh Malaysia yang menetapkan supaya setiap negara anggota *International Labour Organization* (ILO) menjalankan pemeriksaan ke tempat-tempat pekerjaan sekerap mungkin bagi memastikan pematuhan undang-undang perburuhan.

Gambar Rajah 1: Bilangan pemeriksaan mengikut sektor yang dikelaskan di bawah *Malaysian Standard Industrial Classification* 2008 (MSIC) bagi tahun 2021




Pertanian, Perhutanan & Perikanan

**2,636**
**(12.31%)**




Perlombongan & Pengkuarian

**182**
**(0.85%)**




Pembuatan

**4,533**
**(21.20%)**




Bekalan Elektrik, Gas, Wap & Pendingin Udara

**62**
**(0.29%)**




Bekalan Air, Pembentungan, Pengurusan Sisa & Aktiviti Pemulihan

**71**
**(0.33%)**




Pembinaan

**1,465**
**(6.84%)**




Perdagangan Borong & Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor & Motosikal

**5,847**
**(27.30%)**




Pengangkutan & Penyimpanan

**400**
**(1.87%)**




Penginapan & Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman

**1,496**
**(6.99%)**




Maklumat & Komunikasi

**128**
**(0.60%)**




Aktiviti Kewangan & Insurans/ Takaful

**271**
**(1.27%)**




Aktiviti Hartanah

**80**
**(0.37%)**




Aktiviti Profesional, Saintifik & Teknikal

**352**
**(1.64%)**




Aktiviti Pentadbiran & Khidmat Sokongan

**778**
**(3.63%)**




Pentadbiran Awam & Pertahanan; Aktiviti Keselamatan Sosial Wajib

**718**
**(3.35%)**




Pendidikan

**125**
**(0.58%)**




Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan & Kerja Sosial

**344**
**(1.60%)**




Kesenian, Hiburan & Rekreasi

**69**
**(0.32%)**




Aktiviti Perkhidmatan Lain

**1,841**
**(8.60%)**




Aktiviti isi rumah sebagai majikan; Aktiviti mengeluarkan barangan dan perkhidmatan yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah untuk kegunaan sendiri

**5**
**(0.02%)**




Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah

**3**
**(0.01%)**




Tidak Diklasifikasikan

**6**
**(0.03%)**

**JUMLAH TEMPAT KERJA DIPERIKSA**

**21,412**

*Sumber : Labour Market Database (LMD)*

Pemeriksaan dijalankan melalui dua pendekatan iaitu secara berjadual dan secara mengejut. Gambar Rajah 1 menunjukkan sebanyak 21,412 tempat pekerjaan telah diperiksa. 2 sektor tertinggi adalah Perdagangan Borong & Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor & Motosikal iaitu sebanyak 5,847 (27.30%) dan Pembuatan iaitu sebanyak 4,533 (21.17%).

Gambar Rajah 2: Bilangan pemeriksaan mengikut negeri dan notis pematuhan yang dikeluarkan bagi tahun 2021




*Sumber : Labour Market Database (LMD)*

Gambar Rajah 2 menunjukkan jumlah pemeriksaan tertinggi dijalankan di negeri Selangor iaitu 2,910 (13.59%) daripada jumlah keseluruhan pemeriksaan diikuti oleh Johor iaitu sebanyak 2,790 (13.03%). Jumlah pemeriksaan yang dijalankan adalah dipengaruhi oleh keluasan sesebuah negeri, kepesatan industri dan jumlah pegawai penguatkuasa.

Manakala, jumlah notis pematuhan yang dikeluarkan adalah sebanyak 1,754. Notis pematuhan tertinggi dikeluarkan adalah negeri Johor iaitu sebanyak 378 (21.55%) dan diikuti Terengganu sebanyak 294 (16.76%). Notis pematuhan dikeluarkan bertujuan memberi peluang kepada majikan membuat pembetulan terhadap ketidakpatuhan sebelum tindakan penguatkuasaan lebih tegas diambil. Mekanisme pembetulan melalui notis pematuhan dilaksanakan bagi memenuhi matlamat pemeriksaan sebagai langkah pembetulan *(corrective action)* dan pencegahan *(preventive action)* dalam kalangan majikan terhadap pematuhan undang-undang perburuhan.

## Pemeriksaan Estet

Pemeriksaan estet merujuk kepada pemeriksaan ke atas estet yang dilaksanakan dengan kriteria tambahan iaitu pematuhan terhadap Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990. Aktiviti ini merupakan salah satu langkah yang berkesan untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pihak majikan dan masyarakat pekerja estet dalam menyelesaikan masalah yang berbangkit.

Gambar Rajah 3: Bilangan pemeriksaan estet mengikut negeri bagi tahun 2021




*Sumber : Labour Market Database (LMD)*

Gambar Rajah 3 menunjukkan sebanyak 722 pemeriksaan ke atas estet telah dijalankan. Pemeriksaan estet tertinggi telah dilakukan di Johor iaitu sebanyak 189 (26.17%) diikuti dengan Perak sebanyak 148 (20.49%) dan Pahang sebanyak 117 (16.20%). Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan tidak mempunyai majikan estet.

Aktiviti ini membolehkan jabatan mengumpul maklumat berkaitan perumahan pekerja dan kemudahan asas di estet.

## Maklumat profil estet bagi tahun 2021

Gambar Rajah 4: Bilangan estet yang menyediakan perumahan pekerja mengikut negeri bagi tahun 2021




*Sumber: JTKSM*

Gambar Rajah 5: Bilangan rumah estet berdasarkan kategori rumah mengikut negeri bagi tahun 2021




| Jumlah Rumah | Standard | Substandard |
|---|---|---|
| 50,450 | 29,814 | 20,636 |

*Sumber: JTKSM*

Gambar Rajah 6: Maklumat bekalan elektrik di estet mengikut negeri bagi tahun 2021




*Sumber: JTKSM*

Gambar Rajah 7: Maklumat bekalan air di estet mengikut negeri bagi tahun 2021



Gambar Rajah 8: Maklumat Pusat Asuhan Kanak-Kanak (PAKK)
di estet mengikut negeri bagi tahun 2021




*Sumber: JTKSM*

Gambar Rajah 9: Maklumat klinik di estet mengikut negeri bagi tahun 2021



Gambar Rajah 10: Maklumat tempat ibadat di estet mengikut negeri bagi tahun 2021




*Sumber: JTKSM*







Gambar Rajah 11: Maklumat jalan raya di estet mengikut negeri bagi tahun 2021

**Jalan Tidak Berturap**

JUMLAH
**527**
ESTET
**2,048.38**
Km

**Jalan Berturap**

JUMLAH
**505**
ESTET
**44,303.72**
Km

| Negeri | Jalan Tidak Berturap (Estet) | Jalan Tidak Berturap (km) | Jalan Berturap (Estet) | Jalan Berturap (km) |
|---|---|---|---|---|
| Johor | 131 Estet | 673.65km | 131 Estet | 399.8km |
| Kedah | 23 Estet | 29.95km | 24 Estet | 22.25km |
| Kelantan | 30 Estet | 608.35km | 34 Estet | 137km |
| Melaka | 29 Estet | 14.5km | 21 Estet | 17.95km |
| N. Sembilan | 22 Estet | 49.3km | 44 Estet | 71.49km |
| Pahang | 108 Estet | 362.06km | 85 Estet | 132.5km |
| P. Pinang | 1 Estet | 0.1km | 0 Estet | 0km |
| Perak | 137 Estet | 234.9km | 88 Estet | 42,914.5km |
| Perlis | 0 Estet | 0km | 1 Estet | 0.6km |
| Terengganu | 33 Estet | 52.4km | 43 Estet | 564.03km |
| Selangor | 13 Estet | 23.17km | 34 Estet | 43.6km |

## Pemeriksaan Penginapan Pekerja

Pemeriksaan penginapan pekerja bertujuan memastikan majikan dan penyedia penginapan berpusat mematuhi Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) yang berkuatkuasa pada 1 Jun 2020. Akta ini terpakai kepada semua jenis industri di Semenanjung Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Labuan dan mewajibkan semua penginapan dan penginapan berpusat mempunyai Perakuan Penginapan daripada Ketua Pengarah JTKSM.

Jadual 1: Bilangan pemeriksaan penginapan dan penginapan berpusat mengikut negeri bagi tahun 2021

| Negeri | Jumlah Pemeriksaan | Peratusan (%) | Penghuni | | Jumlah Penghuni |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Pekerja Tempatan | Pekerja Asing | |
| Johor | 7,660 | 19.18 | 9,804 | 211,060 | 220,864 |
| Kedah | 2,271 | 5.69 | 1,038 | 35,854 | 36,892 |
| Kelantan | 410 | 1.03 | 1,475 | 3,492 | 4967 |
| Melaka | 1,990 | 4.98 | 1,319 | 34,361 | 35,680 |
| Negeri Sembilan | 1,465 | 3.67 | 5,466 | 59,834 | 65,300 |
| Pahang | 2,337 | 5.85 | 15,331 | 33,280 | 48,611 |
| Pulau Pinang | 3,431 | 8.59 | 3,804 | 85,910 | 89,714 |
| Perak | 5,569 | 13.94 | 4,924 | 66,368 | 71,292 |
| Perlis | 249 | 0.62 | 10 | 976 | 986 |
| Selangor | 10,754 | 26.92 | 27,326 | 1,388,633 | 1,415,959 |
| Terengganu | 838 | 2.10 | 2,115 | 9,128 | 11,243 |
| Labuan | 167 | 0.42 | 287 | 805 | 1,092 |
| Kuala Lumpur | 2,800 | 7.01 | 3,631 | 75,886 | 79,517 |
| **JUMLAH** | **39,941** | **100** | **76,530** | **2,005,587** | **2,082,117** |

*Sumber: JTKSM*

Jadual 1 menunjukkan sebanyak 39,941 penginapan diperiksa pada tahun 2021. Pemeriksaan tertinggi dijalankan di Selangor sebanyak 10,754 (26.92%) yang melibatkan sejumlah 1,415,959 pekerja diikuti oleh Johor sebanyak 7,660 (19.18%) pemeriksaan melibatkan 220,864 pekerja. Pemeriksaan terhadap penginapan pekerja telah membantu kerajaan dalam mengurangkan penularan wabak COVID-19 ke atas penginapan pekerja semasa tempoh pandemik.

# OPERASI PENGUATKUASAAN

## Operasi Penguatkuasaan Bersepadu

Operasi Penguatkuasaan Bersepadu merujuk kepada operasi penguatkuasaan terhadap majikan atau tempat pekerjaan yang memfokuskan kepada isu perburuhan tetapi dijalankan bersama-sama agensi lain seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Operasi ini dilaksanakan selaras dengan bidang kuasa jabatan dan agensi-agensi yang terlibat berdasarkan isu-isu semasa.



### IMPAK PELAKSANAAN OPERASI BERSEPADU ADALAH

- **Perkongsian pengalaman dan pengetahuan dalam aktiviti penyiasatan dan penguatkuasaan.**
- **Mengukuhkan aktiviti penguatkuasaan setiap jabatan atau agensi secara bersepadu.**
- **Mengoptimumkan penggunaan tenaga kerja sedia ada.**
- **Perkongsian maklumat dan data perburuhan di bawah KSM secara menyeluruh.**
- **Memastikan pematuhan undang-undang perburuhan.**
- **Perancangan penguatkuasaan yang sistematik dan teratur.**





Gambar Rajah 12: Bilangan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu dijalankan mengikut negeri bagi tahun 2021




Gambar Rajah 12 menunjukkan sebanyak 905 operasi penguatkuasaan telah dijalankan pada tahun 2021. Operasi penguatkuasaan yang tertinggi dijalankan di negeri Selangor iaitu sebanyak 405 diikuti negeri Terengganu sebanyak 185 dan Kuala Lumpur sebanyak 81.

## Penguatkuasaan ATIPSOM (Akta 670)

JTKSM merupakan salah satu daripada 5 agensi yang menguatkuasakan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta 670) bermula tahun 2010. Oleh itu, JTKSM mempergiatkan operasi yang bertujuan membanteras aktiviti pemerdagangan orang khususnya buruh paksa melalui Pasukan Khas Penguatkuasaan (PKP).

Pada tahun 2021, sebanyak 10 kes di bawah Akta 670 telah dikendalikan oleh jabatan melibatkan 4 kes disiasat di bawah Seksyen 12 dan 2 kes disiasat di bawah Seksyen 13. Manakala kes selebihnya penyelesaian dibuat oleh Jabatan dan juga dirujuk kepada agensi lain yang berkaitan. Ini melibatkan kesalahan memperdagangkan orang bagi maksud eksploitasi dan kesalahan memperdagangkan orang yang bukan merupakan seorang kanak-kanak bagi maksud eksploitasi dan jika sabit kesalahan boleh dipenjara tidak melebihi 15 tahun dan denda tidak melebihi RM150,000.00.

Gambar Rajah 13: Jumlah mangsa diselamatkan dan bilangan kes mengikut sektor pekerjaan bagi tahun 2021




Gambar Rajah 13 menunjukkan seramai 12 orang mangsa telah diselamatkan oleh PKP sepanjang tahun 2021 di bawah Akta 670. Sektor yang terlibat bagi kes yang dibuka kertas siasatan adalah sektor perkhidmatan sebanyak 5 kes dan 1 kes di sektor perladangan.





## Penguatkuasaan Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)

Pemberian kuasa penguatkuasaan termasuk mengkompaun kesalahan di bawah Akta 342 telah diturunkan kepada JTKSM bagi mengekang penularan wabak COVID-19 di tempat pekerjaan berkuatkuasa 1 Jun 2021. Skop penguatkuasaan Akta 342 yang dilaksanakan oleh JTKSM melibatkan tempat pekerjaan di sektor swasta dan penginapan pekerja yang disediakan oleh penyedia penginapan berpusat.

Gambar Rajah 14: Bilangan kompaun di bawah Akta 342 yang dikeluarkan mengikut negeri bagi tahun 2021




Gambar Rajah 14 menunjukkan bilangan kompaun yang dikeluarkan di bawah Akta 342 oleh jabatan pada tahun 2021. Negeri yang mencatatkan bilangan kompaun tertinggi dikeluarkan adalah Selangor (95) diikuti Kuala Lumpur (69) dan Pulau Pinang (23).

# PERMIT, PELESENAN DAN PERAKUAN

## Permit Perburuhan

Undang-undang perburuhan yang dikuatkuasakan jabatan membenarkan majikan memohon pengecualian pemakaian beberapa peruntukan dengan syarat tidak menjejaskan kebajikan pekerja.

### Jenis permit perburuhan yang dikeluarkan

- **Kebenaran membayar gaji lewat**
- **Pendahuluan gaji**
- **Kebenaran potongan upah**
- **Pengecualian sekatan wanita kerja malam**
- **Kelonggaran waktu kerja biasa / kerja syif**
- **Kebenaran mengumpul cuti rehat mingguan**
- **Kebenaran had kerja lebih masa**
- **Kelulusan skim bayaran insentif**
- **Kebenaran menyimpan daftar di ibu pejabat**
- **Kebenaran menyimpan daftar dalam bentuk lain**
- **Kebenaran kanak-kanak dan orang muda mengambil bahagian dalam hiburan awam**

Gambar Rajah 15: Bilangan permit perburuhan mengikut jenis permit yang dikeluarkan pada tahun 2021

**1,497**
100%
BILANGAN PERMOHONAN DIKENDALI

| Bilangan | Peratus | Jenis Permit |
|---|---|---|
| 568 | 37.94% | Kebenaran Potongan Upah |
| 266 | 17.77% | Kebenaran Menyimpan Daftar Di Ibu Pejabat |
| 241 | 16.10% | Pengecualian Sekatan Wanita Kerja Malam |
| 207 | 13.83% | Kebenaran Menyimpan Daftar Dalam Bentuk Lain |
| 134 | 8.95% | Kebenaran Bekerja Had Lebih Masa |
| 15 | 1.00% | Kelulusan Skim Bayaran Insentif |
| 18 | 1.20% | Kebenaran Membayar Gaji Lewat |
| 21 | 1.40% | Pendahuluan Gaji |
| 22 | 1.47% | Kelonggaran Waktu Kerja Biasa / waktu kerja syif |
| 4 | 0.27% | Kebenaran Kanak-Kanak Dan Orang Muda Men-gambil Bahagian Dalam Hiburan |
| 1 | 0.07% | Kebenaran Mengumpul Cuti Rehat Mingguan |

*Sumber: JTKSM*

Gambar Rajah 15 menunjukkan sebanyak 1,497 permohonan permit dikendali sepanjang tahun 2021. Permohonan tertinggi melibatkan permit Kebenaran Potongan Upah sebanyak 568 permohonan (37.94%) diikuti oleh permit Kebenaran Menyimpan Daftar di Ibu Pejabat sebanyak 266 permohonan (17.77%). Kelulusan permit perburuhan yang dikeluarkan oleh jabatan dapat membantu industri mengoptimumkan penggunaan sumber manusia dan meningkatkan produktiviti tanpa mengabaikan kepentingan pekerja.

## Perakuan Penginapan Pekerja

Jabatan menerima dan memproses permohonan Perakuan Penginapan Pekerja bagi semua penginapan dan penginapan berpusat mulai 1 September 2020.



**12,661**

Bilangan pemohonan perakuan penginapan

Jadual 2: Bilangan Perakuan Penginapan diluluskan mengikut negeri bagi tahun 2021

| Negeri | Majikan | | Penyedia Penginapan Berpusat | | Jumlah Kapasiti Diluluskan |
|---|---|---|---|---|---|
| | Lulus | Kapasiti | Lulus | Kapasiti | |
| Johor | 560 | 24,143 | 102 | 65,365 | 89,508 |
| Kedah | 473 | 5,725 | 181 | 2,222 | 7,947 |
| Kelantan | 109 | 983 | 1 | 54 | 1,037 |
| Melaka | 570 | 6,607 | 171 | 11,025 | 17,632 |
| Negeri Sembilan | 1,251 | 15,698 | 7 | 1,188 | 16,886 |
| Pahang | 301 | 8,924 | 0 | 0 | 8,924 |
| Pulau Pinang | 1,278 | 12,528 | 68 | 28,317 | 40,845 |
| Perak | 1,274 | 15,532 | 38 | 3,395 | 18,927 |
| Perlis | 27 | 604 | 1 | 17 | 621 |
| Selangor | 3,858 | 39,251 | 527 | 15,464 | 54,715 |
| Terengganu | 228 | 3,836 | 0 | 0 | 3,836 |
| Labuan | 260 | 1,092 | 0 | 0 | 1,092 |
| Kuala Lumpur | 954 | 8,271 | 38 | 8,197 | 16,468 |
| JUMLAH | 11,143 | 143,194 | 1,134 | 135,244 | 278,438 |

*Sumber: JTKSM*

Jadual 2 di atas menunjukkan sebanyak 11,143 majikan dan 1,134 penyedia penginapan telah diberi kelulusan Perakuan Penginapan yang boleh menempatkan sebanyak 278,438 orang pekerja. Kapasiti penginapan tertinggi yang diluluskan adalah di negeri Johor iaitu sebanyak 89,508 (32.14%) diikuti negeri Selangor sebanyak 54,715 (19.65%).

## Pelesenan Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Akta 246)

Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Akta 246) merupakan salah satu akta yang dikuatkuasakan oleh JTKSM bertujuan untuk mengurus tadbir aktiviti agensi pekerjaan swasta (APS) di Malaysia.

Akta 246 memperuntukkan bahawa mana-mana orang atau agensi yang melakukan aktiviti merekrut adalah wajib berlesen. Sebarang pelanggaran jika didakwa dan disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM200,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya. Pengenaan hukuman yang berat ini menunjukkan tanggungjawab dan peranan APS sebagai sebuah agensi yang menjalankan aktiviti merekrut kerana aktiviti merekrut tanpa lesen yang sah boleh memberi implikasi kepada mangsa khususnya pencari kerja dan pekerja bukan warganegara yang boleh menjurus kepada aktiviti pemerdagangan orang dan buruh paksa. Perkara ini secara tidak langsung akan menjejaskan kebajikan pencari kerja dan pekerja bukan warganegara serta mencemarkan imej negara.

Disamping itu, Akta ini juga dapat menjaga kebajikan pencari-pencari kerja yang menggunakan perkhidmatan APS dan memantau perjalanan aktiviti APS supaya mematuhi undang-undang yang ditetapkan.

Jadual 3: Statistik APS berlesen mengikut kategori dan negeri bagi tahun 2021

| Negeri | Kategori Lesen (Induk) | | | Kategori Lesen (Cawangan) | | | Kategori Lesen (Keseluruhan) | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | A | B | C | A | B | C | A | B | C | |
| Johor | 19 | 41 | 50 | 3 | 6 | 4 | 22 | 47 | 54 | 123 |
| Kedah | 7 | 7 | 12 | 0 | 2 | 0 | 7 | 9 | 12 | 28 |
| Kelantan | 0 | 2 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 3 | 0 | 3 |
| Melaka | 5 | 4 | 14 | 1 | 2 | 3 | 6 | 6 | 17 | 29 |
| Negeri Sembilan | 2 | 6 | 14 | 0 | 1 | 2 | 2 | 7 | 16 | 25 |
| Pahang | 3 | 2 | 4 | 0 | 0 | 0 | 3 | 2 | 4 | 9 |
| Pulau Pinang | 18 | 26 | 42 | 6 | 6 | 6 | 24 | 32 | 48 | 104 |
| Perak | 3 | 8 | 14 | 0 | 1 | 0 | 3 | 9 | 14 | 26 |
| Perlis | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 |
| Selangor | 89 | 116 | 163 | 1 | 7 | 3 | 90 | 123 | 166 | 379 |
| Terengganu | 0 | 1 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 | 2 |
| Kuala Lumpur | 121 | 56 | 146 | 0 | 1 | 2 | 121 | 57 | 148 | 326 |
| Labuan | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 |
| JUMLAH | 267 | 269 | 462 | 11 | 27 | 20 | 278 | 296 | 482 | 1,056 |

Pada tahun 2021, terdapat sebanyak 1,056 lesen APS yang aktif seperti di atas yang mana kategori lesen yang paling banyak adalah dari kategori C.

Jadual 4: Statistik dokumen pengenalan diri APS bagi tahun 2021

| NEGERI | Kategori Lesen | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| | A | B | C | |
| Johor | 30 | 107 | 155 | 292 |
| Melaka | 5 | 9 | 43 | 57 |
| Negeri Sembilan | 5 | 10 | 37 | 52 |
| Selangor | 95 | 214 | 394 | 703 |
| WP Kuala Lumpur | 111 | 111 | 300 | 522 |
| Perak | 3 | 18 | 36 | 57 |
| Kedah | 6 | 15 | 25 | 46 |
| Pulau Pinang | 21 | 54 | 102 | 177 |
| Perlis | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Kelantan | 0 | 7 | 0 | 7 |
| Terengganu | 0 | 2 | 3 | 5 |
| Pahang | 0 | 4 | 10 | 14 |
| Labuan | 0 | 0 | 0 | 0 |
| JUMLAH | 276 | 551 | 1,105 | 1,932 |

Pada tahun 2021, terdapat sebanyak 1,932 dokumen pengenalan diri yang telah dikeluarkan terhadap pekerja-pekerja APS yang menjalankan aktiviti merekrut.



# Akta Langkah-langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 (Akta 829)

Pada 23 Oktober 2020, Akta 829 telah diwartakan. Antara tujuan Akta ini digubal adalah bagi memberikan suatu pelepasan sementara daripada pematuhan terhadap undang-undang tertentu bagi satu tempoh yang ditetapkan demi kelangsungan hidup rakyat semasa pandemik COVID-19. Sehubungan itu, antara akta yang terlibat diberi pelepasan sementara adalah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Akta 246) iaitu Bahagian XIII Akta 829 telah memberi pengecualian dalam tempoh tertentu untuk pengiraan tempoh pembaharuan lesen.

Susulan itu, memandangkan pada tahun 2021 Kerajaan telah sekali lagi melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara, maka Akta 829 telah dikuatkuasakan pada 14 Januari 2022. Sehubungan itu, perkara-perkara berkaitan pembaharuan lesen APS yang terlibat di bawah Akta 829 adalah seperti berikut:

### Tempoh pembaharuan 60 hari sebelum tamat tempoh lesen

Mana-mana permohonan pembaharuan lesen yang dikemukakan oleh APS kurang daripada tempoh 60 hari atau selepas tamat tempoh lesen bermula dari 18 Mac 2020 sehingga 23 Oktober 2022 atau sekiranya Akta 829 dilanjutkan, tidak melebihi 31 Disember 2022 adalah dibenarkan.

01

### Tempoh bayaran 30 hari bagi wang jaminan dan fi lesen untuk pembaharuan lesen

Wang jaminan dan fi lesen boleh dibayar oleh APS walaupun melebihi tempoh 30 hari dari tarikh keputusan permohonan pembaharuan dikeluarkan bermula dari 18 Mac 2020 sehingga 23 Oktober 2022 atau sekiranya Akta 829 dilanjutkan tidak melebihi 31 Disember 2022.

02

## Kelulusan Pelan Bangunan dan Sijil Kelayakan Menduduki

Mana-mana majikan estet yang ingin membina perumahan pekerja, adalah tertakluk kepada peruntukan di bawah Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446). Di bawah Peraturan 32, Peraturan Standard-Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja 1990, terdapat beberapa peruntukan standard minimum yang perlu dipatuhi oleh majikan ladang sebelum membina rumah untuk pekerja mereka. Sehubungan itu majikan perlu mendapatkan kelulusan bagi pelan bangunan perumahan sebelum kerja-kerja pembinaan dimulakan. Majikan juga perlu mendapatkan Sijil Layak Menduduki sebaik sahaja bangunan yang dibina telah disiapkan.

Gambar Rajah 16: Kelulusan Pelan dan Sijil Layak Menduduki bagi tahun 2021



# PENGENDALIAN ADUAN

## Aduan Perburuhan

Pengendalian aduan perburuhan secara efektif dan cepat adalah antara matlamat yang telah digariskan dalam piagam pelanggan JTKSM. JTKSM amat komited dalam memastikan pengendalian aduan yang diterima, disiasat dan diselesaikan dengan berkesan serta memuaskan hati pelanggan jabatan.

Aduan-aduan perburuhan ini diterima melalui pelbagai sumber seperti pemegang taruh, Biro Pengaduan Awam, media massa, *non-government organizations* (NGO), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, laman sesawang, surat, telefon, emel, aplikasi *Working For Workers* (WFW) atau pengadu hadir ke jabatan.

Gambar Rajah 17: Bilangan kes aduan dikendali dan diselesaikan mengikut negeri bagi tahun 2021




Gambar Rajah 17 menunjukkan sebanyak 10,290 kes aduan dikendali sepanjang tahun 2021. Kes tertinggi dikendalikan di negeri Selangor sebanyak 3,183 (30.93%) diikuti oleh negeri Johor sebanyak 1,697 (16.49%). Secara keseluruhan sebanyak 10,101 (98.16%) kes aduan telah berjaya diselesaikan.

*Sumber : Labour Market Database (LMD)*

## Aplikasi *Working For Workers (WFW)*

Aplikasi WFW merupakan platform untuk pekerja menyalurkan aduan serta permasalahan berhubung isu perburuhan secara dalam talian melalui telefon mudah alih. Aplikasi ini membolehkan pengadu mengetahui status aduan yang dikemukakan dengan pantas. Pelancaran aplikasi ini telah disempurnakan oleh YB Menteri Sumber Manusia pada 4 Mei 2021.

Gambar Rajah 18: Bilangan aduan yang diterima melalui aplikasi Working for Workers mengikut negeri bagi tahun 2021

| Negeri | Aduan Dikendali | Aduan Selesai | Peratus Selesai |
|---|---|---|---|
| JOHOR | 1,820 | 1,812 | 99.56% |
| KEDAH | 506 | 480 | 94.86% |
| KELANTAN | 106 | 106 | 100% |
| MELAKA | 467 | 465 | 99.57% |
| N. SEMBILAN | 277 | 273 | 98.55% |
| PAHANG | 286 | 285 | 99.65% |
| P. PINANG | 852 | 828 | 97.18% |
| PERAK | 600 | 578 | 96.33% |
| PERLIS | 65 | 63 | 83.50% |
| SELANGOR | 4,173 | 3,970 | 95.13% |
| TERENGGANU | 121 | 118 | 97.52% |
| KUALA LUMPUR | 2,654 | 2,328 | 87.71% |
| LABUAN | 10 | 8 | 80% |

| Jumlah Aduan Dikendali | Jumlah Aduan Selesai | Peratus Selesai |
|---|---|---|
| 11,937 | 11,314 | 94.78% |

Gambar Rajah 18 menunjukkan sebanyak 11,937 kes aduan diterima sepanjang tahun 2021 melalui aplikasi WFW. Kes tertinggi dikendalikan di negeri Selangor sebanyak 4,173 (36.88%) diikuti oleh negeri Kuala Lumpur sebanyak 2,654 (23.45%). Secara keseluruhan sebanyak 11,314 (94.78%) kes aduan telah berjaya diselesaikan.

## Aduan Gangguan Seksual

Jabatan komited untuk memberikan perlindungan yang maksimum kepada para pekerja. Sehubungan itu, peruntukan Akta Kerja 1955 Bahagian XVA, gangguan seksual terpakai kepada semua pekerja yang diambil bekerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan tanpa mengira jumlah upah. Peruntukan ini menetapkan agar setiap majikan menjalankan siasatan terhadap aduan gangguan seksual yang diterima. Sekiranya majikan enggan, pengadu yang tidak berpuas hati boleh merujuk perkara itu kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja.

Gambar Rajah 19: Statistik aduan gangguan seksual mengikut negeri bagi tahun 2021



JOHOR
3
0
3



PAHANG
1
1
3



PERAK
2
1
2



SELANGOR
5
5
5

11 Bilangan Kes Dikendali

7 Bilangan Kes Selesai

13 Bilangan pekerja terlibat

*Sumber : Labour Market Database (LMD)*

Gambar Rajah 19 menunjukkan bahawa JTKSM telah mengendalikan sebanyak 11 aduan gangguan seksual di tempat pekerjaan pada tahun 2021. Kes aduan tertinggi dikendalikan di negeri Selangor sebanyak 5 kes diikuti oleh negeri Johor sebanyak 3 kes.

# KERTAS SIASATAN, KOMPAUN DAN PENDAKWAAN

Kertas siasatan adalah dokumen yang mengandungi keterangan dan bahan bukti yang disediakan oleh pegawai penyiasat jabatan bagi mengambil tindakan kompaun atau pendakwaan ke atas majikan yang gagal mematuhi undang-undang perburuhan. Semua kertas siasatan yang disediakan perlu mendapat keizinan daripada Timbalan Pendakwa Raya (TPR) untuk tujuan kompaun atau pendakwaan.

Jadual 5: Bilangan keseluruhan kertas siasatan, kompaun dan pendakwaan yang dikendalikan mengikut negeri bagi tahun 2021

| Negeri | Bil. Kertas Siasatan | Bil. Kes Kompaun | Jumlah Kompaun Dibayar (RM) | Bil. Kes Pendakwaan | Jumlah Denda Dibayar (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| Johor | 312 | 237 | 1,553,400.00 | 32 | 302,000.00 |
| Kedah | 148 | 86 | 256,100.00 | 29 | 48,000.00 |
| Kelantan | 70 | 54 | 55,500.00 | 3 | 5,000.00 |
| Melaka | 79 | 44 | 160,500.00 | 19 | 105,000.00 |
| Negeri Sembilan | 104 | 52 | 537,800.00 | 18 | 90,000.00 |
| Pahang | 147 | 93 | 272,800.00 | 7 | 10,000.00 |
| Pulau Pinang | 138 | 137 | 223,700.00 | 1 | 5,000.00 |
| Perak | 220 | 83 | 205,500.00 | 89 | 93,700.00 |
| Perlis | 23 | 3 | 6,000.00 | 10 | 3,000.00 |
| Selangor | 183 | 104 | 419,500.00 | 22 | 180,000.00 |
| Terengganu | 109 | 61 | 233,600.00 | 7 | 9,000.00 |
| Kuala Lumpur | 74 | 45 | 68,900.00 | 20 | 130,000.00 |
| Labuan | 1 | 1 | 0.00 | 0 | 0.00 |
| JUMLAH | 1,608 | 1,000 | 3,993,300.00 | 257 | 980,700.00 |

*Sumber: JTKSM*

Jadual 5 menunjukkan sebanyak 1,608 kertas siasatan telah dibuka sepanjang tahun 2021. Sebanyak 1,000 kertas siasatan diberi izin kompaun dan 257 kertas siasatan diberi izin dakwa. Kompaun yang dibayar berjumlah RM3,993,300.00 manakala denda bagi pendakwaan berjumlah RM980,700.00.

## Penguatkuasaan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446)

Ordinan Darurat (Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja) (Pindaan) 2021 telah dikuatkuasakan mulai 1 Februari 2021 yang mewajibkan majikan dan penyedia penginapan berpusat mematuhi semua peruntukan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) dan peraturan-peraturan di bawahnya. Susulan itu, aktiviti penguatkuasaan Akta 446 secara besar-besaran telah dilaksanakan di seluruh Malaysia bagi mengawal penularan wabak COVID-19 berkaitan kluster penginapan pekerja.

Jadual 6: Statistik kertas siasatan, kompaun dan pendakwaan mengikut negeri di bawah Akta 446 bagi tahun 2021

| Negeri | Bil. Kertas Siasatan | Bil. Kes Kompaun | Jumlah Kompaun Dibayar (RM) | Bil. Kes Pendakwaan | Jumlah Denda Dibayar (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| Johor | 280 | 224 | 1,449,400.00 | 29 | 299,000.00 |
| Kedah | 89 | 71 | 218,600.00 | 7 | 58,000.00 |
| Kelantan | 14 | 8 | 27,000.00 | 6 | 0.00 |
| Melaka | 75 | 44 | 160,500.00 | 17 | 105,000.00 |
| Negeri Sembilan | 79 | 52 | 457,800.00 | 13 | 90,000.00 |
| Pahang | 110 | 72 | 225,800.00 | 2 | 10,000.00 |
| Pulau Pinang | 119 | 118 | 186,500.00 | 1 | 5,000.00 |
| Perak | 108 | 62 | 142,000.00 | 23 | 58,000.00 |
| Perlis | 4 | 1 | 6,000.00 | 1 | 0.00 |
| Selangor | 139 | 78 | 100,000.00 | 13 | 180,000.00 |
| Terengganu | 85 | 52 | 167,000.00 | 2 | 8,000.00 |
| Kuala Lumpur | 70 | 45 | 68,900.00 | 21 | 151,000.00 |
| Labuan | 1 | 1 | 0.00 | 0 | 0.00 |
| JUMLAH | 1,173 | 828 | 3,209,500.00 | 135 | 964,000.00 |

*Sumber: JTKSM*

Jadual 6 menunjukkan sebanyak 1,173 kertas siasatan di bawah Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 telah dibuka dan daripada jumlah itu sebanyak 135 kes diteruskan dengan pendakwaan atas pelbagai kesalahan yang melibatkan denda RM964,000.00. Manakala sebanyak 828 kompaun telah dikeluarkan yang melibatkan amaun tawaran kompaun berjumlah RM3,209,500.00. Sumber kertas siasatan diperoleh daripada aduan, pemeriksaan dan operasi khas. Penguatkuasaan Akta 446 dapat menjaga kebajikan pekerja dari segi kemudahan, kesejahteraan, kesihatan dan keselamatan di tempat penginapan pekerja.



# MAHKAMAH BURUH

Mahkamah Buruh merupakan platform pendengaran bagi memutuskan tuntutan pekerja terhadap majikannya berkaitan gaji dan faedah-faedah kewangan lain yang layak diperolehi di bawah undang-undang atau kontrak perkhidmatannya. Selain itu, majikan juga boleh menggunakan saluran ini untuk membuat tuntutan gaji ganti notis terhadap pekerjanya.

## Kes Buruh

Kes buruh adalah tuntutan yang dibuat sama ada oleh pekerja terhadap majikannya atau majikan terhadap pekerjanya berdasarkan undang-undang perburuhan di bawah Akta Kerja 1955. Pegawai JTKSM diberi kuasa untuk mendengar dan memutuskan tuntutan tanpa had amaun. Tuntutan ini akan dibicarakan di Mahkamah Buruh melalui satu proses penyiasatan di bawah Seksyen 69 Akta tersebut.

Jadual 7: Bilangan kes buruh yang dikendalikan mengikut negeri bagi tahun 2021

| Negeri | Kes Buruh Dikendali | Bil. Kes Selesai | Peratusan Penyelesaian (%) | Amaun Perintah (RM) |
|---|---|---|---|---|
| Johor | 926 | 838 | 90.50 | 2,516,002.00 |
| Kedah | 467 | 388 | 83.08 | 1,806,395.00 |
| Kelantan | 229 | 199 | 86.90 | 2,780,575.00 |
| Melaka | 445 | 370 | 83.15 | 900,565.00 |
| Negeri Sembilan | 619 | 539 | 87.08 | 1,359,245.00 |
| Pahang | 432 | 381 | 88.19 | 457,862.00 |
| Pulau Pinang | 797 | 659 | 82.69 | 1,089,018.00 |
| Perak | 964 | 826 | 85.68 | 1,787,435.00 |
| Perlis | 53 | 48 | 90.57 | 185,956.00 |
| Selangor | 2,706 | 2,474 | 91.43 | 8,154,813.00 |
| Terengganu | 223 | 207 | 92.83 | 1,167,993.00 |
| Kuala Lumpur | 1,555 | 1,302 | 83.73 | 2,916,712.00 |
| Labuan | 10 | 8 | 80.00 | 46,159.00 |
| JUMLAH | 9,426 | 8,239 | 87.41 | 25,168,730.00 |

Jadual 7 menunjukkan sebanyak 9,426 kes buruh dikendalikan oleh jabatan sepanjang tahun 2021. Bilangan kes buruh tertinggi dikendalikan adalah di negeri Selangor sebanyak 2,706 diikuti oleh negeri Kuala Lumpur sebanyak 1,555. Sebanyak 8,239 (87.41%) kes buruh berjaya diselesaikan dengan perintah bayaran berjumlah RM25,168,730.00.

# GAJI MINIMUM

Perintah Gaji Minimum 2020 dikuatkuasakan pada 1 Februari 2020. Gaji minimum merujuk kepada gaji pokok dan tidak termasuk faedah-faedah lain. Kadarnya adalah seperti yang ditetapkan di bawah Seksyen 23, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732).

Penguatkuasaan terhadap Perintah Gaji Minimum dilaksanakan di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) oleh penguatkuasa daripada JTKSM, Jabatan Tenaga Kerja Sabah, dan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak.

Perintah ini terpakai kepada semua pekerja di sektor swasta kecuali pekhidmat domestik sebagaimana yang ditakrifkan di bawah subseksyen 2(1) Akta Kerja 1955 (Akta 265), subseksyen 2(1) Ordinan Buruh Sabah [Bab 67] dan subseksyen 2(1) Ordinan Buruh Sarawak [Bab 76].

## Kadar Gaji Minimum

Penetapan kadar gaji minimum adalah berdasarkan kawasan pentadbiran iaitu :

- Majlis Bandaraya Dan Majlis Perbandaran

| BULAN | HARIAN | SETIAP JAM |
|---|---|---|
| RM1,200 | 6 HARI BEKERJA RM46.15<br>5 HARI BEKERJA RM55.38<br>4 HARI BEKERJA RM69.23 | RM5.77 |

- Selain Majlis Bandaraya Dan Majlis Perbandaran

| BULAN | HARIAN | SETIAP JAM |
|---|---|---|
| RM1,100 | 6 HARI BEKERJA RM42.31<br>5 HARI BEKERJA RM50.77<br>4 HARI BEKERJA RM63.46 | RM5.29 |

# PEMBERHENTIAN PEKERJA

Faktor kemelesetan ekonomi, kerugian dalam perniagaan atau masalah kewangan menyebabkan sesebuah perusahaan mengambil keputusan bagi melakukan penstrukturan semula untuk perniagaan terus mapan, kekal berdaya saing dan produktif serta relevan dalam industri yang diceburi. Keadaan ini juga membawa kepada pengecilan operasi yang mengakibatkan tindakan pemberhentian ke atas pekerja yang dianggap sebagai lebihan di dalam perusahaan tersebut.

Garis Panduan Pengurusan Pemberhentian Pekerja yang diterbitkan oleh JTKSM menggariskan tatacara tindakan pemberhentian pekerja dan penamatan kontrak perkhidmatan akibat lebihan pekerja yang disebabkan oleh :




Jadual 8: Bilangan majikan dan pekerja yang terlibat dalam Pemberhentian Tetap dan Pemberhentian Secara Sukarela (VSS) mengikut negeri bagi tahun 2021

| Negeri | Pemberhentian Tetap | | Pemberhentian Secara Sukarela (VSS) | | Jumlah Keseluruhan | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Bilangan Majikan | Bilangan Pekerja | Bilangan Majikan | Bilangan Pekerja | Bilangan Majikan | Bilangan Pekerja |
| Pulau Pinang | 125 | 3,029 | 32 | 19,791 | 157 | 22,820 |
| Selangor | 552 | 12,404 | 109 | 3,823 | 661 | 16,227 |
| Johor | 225 | 6,226 | 53 | 723 | 278 | 6,949 |
| Kuala Lumpur | 352 | 3,834 | 78 | 1,371 | 430 | 5,205 |
| Perak | 72 | 3,698 | 12 | 164 | 84 | 3,862 |
| Kedah | 41 | 1,931 | 10 | 586 | 51 | 2,517 |
| Melaka | 57 | 438 | 10 | 824 | 67 | 1,262 |
| Negeri Sembilan | 59 | 774 | 11 | 336 | 70 | 1,110 |
| Pahang | 38 | 758 | 9 | 20 | 47 | 778 |
| Terengganu | 19 | 157 | 9 | 178 | 28 | 335 |
| Kelantan | 14 | 88 | 4 | 30 | 18 | 118 |
| Perlis | 2 | 55 | 1 | 1 | 3 | 56 |
| Labuan | 4 | 21 | 0 | 0 | 4 | 21 |
| JUMLAH | 1,560 | 33,413 | 338 | 27,847 | 1,898 | 61,260 |

*Sumber : Labour Market Database*

Jumlah pemberhentian pekerja pada tahun 2021 adalah sebanyak 61,260 orang yang melibatkan seramai 33,413 orang pekerja bagi pemberhentian biasa dan 27,847 bagi pemberhentian secara sukarela. Negeri Pulau Pinang mencatatkan pemberhentian tertinggi iaitu 22,820 pekerja, diikuti oleh negeri Selangor sebanyak 16,227 pekerja dan negeri Johor sebanyak 6,949 pekerja. Jumlah pemberhentian yang tinggi pada tahun 2021 dipercayai berpunca daripada ketidakstabilan ekonomi akibat wabak COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.

# PINDAAN UNDANG-UNDANG

Jabatan bertanggungjawab untuk memastikan majikan sentiasa melaksanakan tanggungjawab mereka di bawah undang-undang perburuhan agar kebajikan pekerja terjaga. Undang-undang yang dikuatkuasakan oleh jabatan sentiasa diteliti, dikaji, dipinda dan ditambah baik dari semasa ke semasa supaya ia sentiasa relevan dan berkesan.

Antara undang-undang dan peraturan-peraturan yang digubal dan dipinda pada tahun 2021 adalah seperti berikut:

## Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446)

Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) telah dipinda melalui Ordinan Darurat (Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja) 2021. Ordinan Darurat telah di kuatkuasa dalam tempoh darurat seperti yang diisytiharkan oleh Kerajaan dari 26 Februari 2021 sehingga diungkaikan di Parlimen.

Pindaan terhadap Akta 446 ini melalui Ordinan Darurat adalah bertujuan untuk:

i. Memperluas pemakaian Akta ini ke Sabah dan Sarawak
ii. Memberi kuasa kepada Ketua Pengarah JTKSM, Pengarah JTK Sabah & Sarawak untuk mengarahkan penggantian, pengubahan dan pembaikan penginapan yang tidak mengikut standard.
iii. Memberi kuasa kepada agensi lain untuk menguatkuasakan Akta 446 dan seramai 2,947 pegawai lain daripada pelbagai agensi telah diberi kuasa untuk menguatkuasakan Akta 446 ini.





## PERINTAH PELETAKHAKAN KUASA DIBAWAH AKTA 446

**P.U. (A) 78/2021 Perintah Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Peletakhakan Kuasa) 2021**
**- JTKSM**

**P.U. (A) 79/2021 Perintah Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Peletakhakan Kuasa) (No.2) 2021**
**- JTK SARAWAK**

**P.U. (A) 80/2021 Perintah Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Peletakhakan Kuasa) (No.3) 2021**
**- JTK SABAH**

**P.U. (A) 119/2021 Perintah Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Peletakhakan Kuasa) (No.4) 2021 –**
**- Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan(JKKP)**
**- Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)**
**- Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPPM)**
**- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)**

**P.U. (A) 120/2021 Perintah Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Peletakhakan Kuasa) (No.5) 2021**
**- Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)**
**- Kementerian Dalam Negeri**
**- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)**

**P.U. (A) 137/2021 Perintah Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Peletakhakan Kuasa) (No.6) 2021**
**- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)**
**- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan**

**Pelantikan orang yang sesuai di bawah Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446] bertarikh 19 Mac 2021**
**– PERKESO**

**Pelantikan orang yang sesuai di bawah Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446] bertarikh 19 Mac 2021**
**- CIDB**

Gambar Rajah 20: Peraturan-peraturan baharu di bawah Akta 446










## Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Akta 246)

Peraturan-peraturan Agensi Pekerjaan Swasta (Pengkompaunan Kesalahan) 2021 (P.U.(A) 396/2021

Menteri Sumber Manusia melalui subseksyen 32(1) Akta 246 telah diberi kuasa untuk membuat peraturan-peraturan bagi menetapkan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini yang boleh dikompaun, kriteria bagi mengkompaun kesalahan itu dan kaedah serta tatacara bagi mengkompaun kesalahan itu. Justeru, Peraturan-Peraturan Agensi Pekerjaan Swasta (Pengkompaunan Kesalahan) 2021 telah digubal dan dikuatkuasakan bermula pada 14 Oktober 2021 bagi membolehkan 6 kesalahan-kesalahan di bawah Akta 246 dikompaun seperti berikut:

Gambar Rajah 21: Kesalahan yang boleh dikompoun di bawah Akta 246



# PENGURUSAN PEKERJA ASING

## Perakuan JTKSM Bagi Permohonan Penggajian Pekerja Asing

Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) adalah satu sistem secara atas talian yang telah diperkenalkan dan digunapakai bermula 1 Februari 2017 bagi memudahkan urusan permohonan majikan untuk mendapatkan Perakuan JTKSM. Perakuan JTKSM adalah bertujuan untuk memastikan keutamaan untuk mengisi kekosongan jawatan diberikan kepada pekerja tempatan, memastikan kesahihan operasi majikan serta kewujudan premis perniagaan yang sah, memastikan pematuhan majikan terhadap undang-undang perburuhan dan penginapan pekerja serta membolehkan tindakan susulan melalui pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang perburuhan dilaksanakan dengan berkesan. Antara negara sumber yang dibenarkan adalah Indonesia, Nepal, India, Filipina, Thailand, Kemboja, Vietnam, Laos, Pakistan, Sri Lanka, Myanmar, Turkmenistan, Uzbekistan dan Kazakhstan.



## Pertukaran Majikan Menggajikan Pekerja Asing (PTM)

PTM adalah aktiviti melibatkan majikan asal melepaskan pekerja yang sedang digajikan kepada majikan baharu yang memerlukan pekerja asing. JTKSM memudahcara urusan penggajian pekerja asing bagi majikan asal yang sudah tidak berupaya meneruskan operasi syarikat dan memindahkan pekerja asing tersebut kepada majikan baharu yang memerlukan tambahan tenaga kerja. Ini bagi memastikan pekerja asing sedia ada dalam negara kekal dalam perkhidmatan bersama majikan dan dilindungi mengikut undang-undang perburuhan.




Jadual 9: Permohonan Dan Keputusan Pertukaran Majikan Bagi Tahun 2021

| Status | Bil. Permohonan | Bil. Pekerja Asing |
|---|---|---|
| Selesai | 330 | 4,991 |
| Lulus | 250 | 3,902 |
| Tolak | 68 | 690 |
| Batal | 12 | 399 |
| Dalam tindakan | 19 | 444 |
| JUMLAH | 349 | 5,435 |

*Sumber : JTKSM*

Jadual 9 menunjukkan sebanyak 349 permohonan pertukaran majikan dikendali oleh jabatan dan sebanyak 330 permohonan berjaya diselesaikan. Sebanyak 250 permohonan yang melibatkan 3,902 pekerja asing telah dikeluarkan surat sokongan pertukaran majikan dan 68 permohonan telah ditolak.

## Pampasan Pekerja

Skim Pampasan Pekerja Asing merupakan skim insurans yang memberi perlindungan kepada pekerja asing yang mengalami bencana kerja atau penyakit akibat dan terbit daripada pekerjaan. Pada tahun 2021, terdapat 57 permohonan taksiran pekerja asing terbencana bagi hilang upaya sementara/ kekal dan maut yang diterima oleh jabatan melibatkan 7 negeri seperti di gambar rajah 22.

Gambar Rajah 22: Jumlah permohonan pampasan pekerja asing dikendali mengikut negeri bagi tahun 2021




*Sumber : Labour Market Database (LMD)*

Gambar Rajah 23: Jumlah pembayaran bagi kes pampasan kepada orang tanggungan bagi tahun 2021




Jumlah amaun bayaran kepada orang tanggungan **RM5,735,612.27**

Pampasan pekerja asing juga telah merekodkan pengurangan akaun deposit pampasan sebanyak RM5,735,612.27 bagi tahun 2021 seperti yang ditunjukkan dalam gambar rajah 23. Negeri Johor merekodkan jumlah agihan wang pampasan tertinggi kepada orang tanggungan pekerja terbencana iaitu sebanyak RM1,634,014.92 diikuti oleh negeri Selangor iaitu sebanyak RM1,280,211.30.

## Rekalibrasi Tenaga Kerja

Program Rekalibrasi Tenaga Kerja merupakan satu program khas untuk meregularisasikan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di negara ini sebagai pekerja asing sah digajikan oleh majikan. Program ini diperkenalkan oleh kerajaan bagi menangani isu kekurangan tenaga kerja yang dihadapi oleh pihak majikan susulan daripada pembekuan pengambilan pekerja asing baharu dalam negara.

Peranan JTKSM dalam Program Rekalibrasi Tenaga Kerja adalah menyiasat permohonan majikan dan sokongan hanya diberikan kepada majikan yang mematuhi undang-undang perburuhan. Penglibatan JTKSM dalam program ini hanya bagi tempoh 16 November 2020 sehingga 30 Jun 2021. Program ini melibatkan 5 sektor iaitu pembinaan, perladangan, pertanian, perkilangan dan perkhidmatan.

Jadual 10: Bilangan permohonan Rekalibrasi Tenaga Kerja dikendali mengikut negeri bagi tempoh 1 Januari 2021 sehingga 30 Jun 2021

| Negeri | Bil. Permohonan Diterima | Bil. Permohonan Disokong | Bil. Kuota PATI Dimohon | Bil. Kuota PATI Disokong |
|---|---|---|---|---|
| Pulau Pinang | 242 | 114 | 7,382 | 3,431 |
| Kedah | 97 | 48 | 1,811 | 821 |
| Perlis | 4 | 1 | 55 | 2 |
| Kelantan | 75 | 24 | 5,943 | 1,027 |
| Terengganu | 57 | 24 | 1,159 | 446 |
| Pahang | 215 | 90 | 4,307 | 1,053 |
| Perak | 342 | 113 | 9,458 | 2,217 |
| Selangor | 1,406 | 508 | 59,878 | 16,374 |
| Kuala Lumpur | 298 | 67 | 20,896 | 2,941 |
| Negeri Sembilan | 293 | 111 | 8,843 | 2,410 |
| Melaka | 161 | 76 | 4,763 | 2,209 |
| Johor | 668 | 236 | 53,281 | 14,456 |
| JUMLAH | 3,858 | 1,412 | 177,776 | 47,387 |

*Sumber: JTKSM*

Statistik permohonan Rekalibrasi Tenaga Kerja mengikut negeri adalah seperti Jadual 10. Bagi tempoh 1 Januari 2021 hingga 30 Jun 2021 sebanyak 3,858 permohonan telah diterima oleh JTKSM melibatkan 47,387 sokongan kuota kemasukan PATI. Bilangan permohonan tertinggi diterima di Negeri Selangor sebanyak 1,406 melibatkan 59,878 permohonan kuota PATI dan diikuti oleh Johor sebanyak 668 permohonan melibatkan 53,281 kuota PATI.

Jadual 11: Statistik Permohonan Rekalibrasi Tenaga Kerja Mengikut Sektor
1 Januari 2021 sehingga 30 Jun 2021

| Sektor | Bil. Permohonan Diterima | Bil. Permohonan Lulus | Bil. Kuota PATI Dimohon | Bil. Kuota PATI Lulus |
|---|---|---|---|---|
| Perkilangan | 2,071 | 731 | 104,223 | 26,795 |
| Pertanian | 786 | 271 | 15,188 | 2,643 |
| Pembinaan | 568 | 293 | 35,762 | 11,286 |
| Perladangan | 337 | 116 | 16,975 | 6,638 |
| Perkhidmatan | 96 | 1 | 5,628 | 25 |
| JUMLAH | 3,858 | 1,412 | 177,776 | 47,387 |

*Sumber: JTKSM*

Jadual 11 menunjukkan sebanyak 3,858 permohonan Rekalibrasi Tenaga Kerja telah diterima bagi tempoh 1 Januari 2021 sehingga 30 Jun 2021. Bilangan permohonan tertinggi diterima bagi sektor perkilangan sebanyak 2,071 permohonan melibatkan 104,223 kuota PATI diikuti oleh sektor pertanian sebanyak 786 permohonan melibatkan 15,188 PATI.

## Pekhidmat Domestik Asing

Pekhidmat domestik asing merujuk kepada pekerja asing yang diambil bekerja dalam kediaman seseorang majikan. Pekerja pekhidmat asing juga mempunyai hak-hak yang perlu dilindungi dan memastikan hubungan antara majikan dan pekhidmat domestik asing adalah merupakan hubungan sebagai majikan dan pekerja. Hubungan ini adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat penggajian serta penetapan perundangan yang dipersetujui secara bersama. Negara-negara sumber pekhidmat domestik asing adalah seperti rajah dibawah.

Negara sumber Pekhidmat Domestik Asing





# Promosi



# PENDIDIKAN PERBURUHAN

Pendidikan perburuhan merujuk kepada aktiviti jabatan bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran majikan, pekerja, pemegang taruh dan orang awam berhubung undang-undang, peraturan dan dasar perburuhan.

## Penerbitan

*Handbook*

Penyediaan *handbook* undang-undang yang dikuatkuasakan merupakan inisiatif jabatan sebagai rujukan dalaman pegawai-pegawai. *Handbook* yang disediakan mengandungi peruntukan akta, penerangan, peraturan-peraturan, contoh kes, pindaan dan rujukan yang lebih mudah difahami oleh pegawai-pegawai. Pada tahun 2021, sebanyak 2 *handbook* dan 1 buku panduan telah disiapkan iaitu:

i. *Handbook* Akta Kerja 1955 (Akta 265);
ii. *Handbook* Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Akta 246); dan
iii. Buku Panduan Penginapan Pekerja di Bawah Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446).










Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) yang dipinda pada tahun 2019 berkuatkuasa pada 1 Jun 2020 adalah suatu Akta yang ditambah baik daripada Akta asal iaitu Akta Pekerja (Standard-Standard Minimum Perumahan) 1966 yang kemudiannya digantikan dengan Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) yang mula berkuatkuasa pada 30 Ogos 1990.

Buku panduan ini berperanan sebagai rujukan semua pemegang taruh terutamanya pemain industri yang merangkumi majikan, penyedia penginapan berpusat dan pekerja dalam penyediaan pekerja yang kondusif, selamat, selesa dan menepati piawaian yang ditetapkan.

## Dialog Industri

Dialog industri merupakan satu platform dialog sosial yang bertujuan membina hubungan harmoni antara majikan dan pekerja bagi mengekalkan kestabilan hubungan industri. Jabatan berperanan sebagai pengantara majikan dan pekerja dalam membincang serta menyelesaikan isu-isu perburuhan dan penggajian.



# KHIDMAT NASIHAT PERBURUHAN

Jabatan berperanan memberi khidmat nasihat perburuhan kepada pelanggan jabatan yang terdiri daripada majikan, pekerja, pertubuhan majikan, kesatuan sekerja dan orang awam yang ingin mengetahui tentang undang-undang perburuhan dan maklumat berkaitan pekerjaan.

Khidmat nasihat dijalankan melalui perkhidmatan kaunter di Pejabat Tenaga Kerja seluruh negara, telefon, emel, surat dan media sosial jabatan.



## Jawatankuasa Teknikal Pematuhan Perundangan dan Dasar Perburuhan

Sebanyak 6 Jawatankuasa Teknikal Pematuhan Perundangan dan Dasar Perburuhan diwujudkan di bawah Jawatankuasa Task Force Pematuhan Perundangan dan Dasar Perburuhan KSM bertujuan untuk memantau pematuhan perundangan dan dasar perburuhan oleh industri, menangani masalah penginapan pekerja yang tidak kondusif dan menstruktur semula penginapan pekerja yang sesak, kotor dan tidak selamat. Jawatankuasa ini dianggotai oleh kementerian, jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan dan pertubuhan, persatuan industri serta majikan yang berkaitan.

### 6 JAWATANKUASA TEKNIKAL



01 Sektor Perladangan



02 Sektor Perkhidmatan (Industri Restoran & Pembersihan)



03 Sektor Pembuatan (Industri Getah)

04 Sektor Pembuatan (Industri Elektrik & Elektronik)



05 Sektor Pembuatan (Industri Perabot)



06 Sektor Pembinaan



## Objektif Penubuhan Jawatankuasa Teknikal Pematuhan Perundangan dan Dasar Perburuhan

**Memastikan pihak industri berkaitan mematuhi secara sepenuhnya peruntukan undang-undang dan dasar perburuhan semasa. Melaksanakan perlindungan serta tanggungjawab sosial terhadap pekerja yang menjadi prinsip asas penting bagi Pertubuhan Buruh Antarabangsa.**

**Memastikan pihak industri berkaitan melaksanakan perlindungan serta tanggungjawab sosial terhadap pekerja.**

**Meningkatkan kerjasama strategik Kementerian/Jabatan/ Agensi kerajaan berkaitan dengan pihak pertubuhan/ persatuan industri dalam menyelaras aktiviti promosi dan meningkatkan amalan perburuhan yang baik dan sihat.**

### Fungsi Jawatankuasa Teknikal Pematuhan Perundangan dan Dasar Perburuhan

01 Menyelaras pelan tindakan secara bersepadu antara ahli-ahli jawatankuasa melalui pemeriksaan, penyiasatan aduan, pendakwaan dan kompaun, khidmat nasihat, pendidikan perburuhan dan langkah-langkah kesedaran dalam kalangan industri berkaitan

02 Memperkukuh penglibatan dan kerjasama persatuan / kesatuan industri dengan melaksanakan pematuhan kendiri dalam kalangan ahli-ahlinya berhubung pematuhan undang-undang dan dasar perburuhan semasa

03 Mengenalpasti kelemahan pelan tindakan sedia ada dan mengemukakan cadangan penambahbaikan

04 Menyelaras pelaksanaan keputusan atau hasil mesyuarat Jawatankuasa Induk

05 Menubuhkan *one-stop centre* yang terdiri daripada wakil-wakil kementerian, jabatan, agensi kerajaan berkaitan untuk memudahkan, menyelaras dan melengkapkan tindakan pematuhan undang-undang tertentu oleh pihak majikan

06 Aktiviti yang telah dilaksanakan melalui Jawatankuasa Teknikal Pematuhan Perundangan dan Dasar Perburuhan

